

ASTiF UMS galak pelajar ceburi industri kreatif

UB 15.06.2024 P.03

KOTA KINABALU:

B.A.Y.U Matrix Show 2024 yang diadakan di Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu menjadi platform pendedahan kepada pelajar menceburi industri kreatif sebagai kerjaya masa depan.

Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, Amerrudin Ahmad, berkata industri kreatif mempunyai banyak cabang berpotensi untuk diterokai bagi menjana pendapatan.

Katanya, pameran seni seperti B.A.Y.U Matrix Show penting untuk pelajar mempersempahkan hasil karya mereka kepada kha-

layak ramai.

Menurutnya, usaha itu membolehkan orang ramai melihat pelbagai bentuk karya seni yang sarat dengan makna dan idea.

"Matlamat ASTiF adalah untuk menghasilkan graduan bagi mengisi bidang pekerjaan di luar sana dan objektif itu dapat dilihat melalui pameran sebegini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan pameran tersebut di ruang legar Bangunan ASTiF UMS.

Amerrudin turut berharap program tersebut diadakan lebih kerap sebagai inisiatif mengetengahkan hasil karya sekaligus membangunkan seni

visual di peringkat universiti.

Pada majlis tersebut, beliau turut menyampaikan sijil penghargaan kepada 20 pelajar terbaik B.A.Y.U Matrix Show 2024.

B.A.Y.U Matrix Show 2024 merupakan ekspresi kreativiti, nilai dan cerita di sebalik pengalaman pelajar tahun akhir Program Teknologi Seni Visual (TSV), ASTiF selama tiga tahun menuntut di UMS.

Hadir sama pada perasmian pameran tersebut Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Pembangunan (IDS) Sabah, Datuk Ts. Dr. Ramzah Dambul dan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dr. Sharip Zainal Sagkif Shek.



TAHNIAH: Amerrudin menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang pelajar yang terpilih sebagai pelajar terbaik pameran B.A.Y.U Matrix Show 2024.